

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR NORAZMIR MD NOR
TIMBALAN REKTOR HAL EHWAL PELAJAR

MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
SESI TOWNHALL BERSAMA TIMBALAN NAIB
CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR
UiTM CAWANGAN SELANGO

18 SEPTEMBER 2025 | KHAMIS | 8.30 MALAM
DEWAN SERBAGUNA ANGSANA
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHI ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAALIHI WASOHBIHI AJMA'IN**

YBrs. Encik Amirul Hafiz Bakri

Ketua Timbalan Bendahari

UiTM Cawangan Selangor

YBrs. Ts. Zainolasri Abdul Sani

Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Pengetua Kolej Kediaman,

Ketua-Ketua Jabatan, para pensyarah, Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, mewakili **YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada malam yang penuh bermakna ini dalam majlis **Sesi Townhall bersama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM.**

3. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada malam ini amat saya hargai. Ia mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh komunikasi dua hala, memupuk budaya keterbukaan, serta mempertingkatkan penglibatan warga demi menjayakan agenda universiti.

4. Kehadiran ini juga membuktikan bahawa warga Hal Ehwal Pelajar sentiasa bersedia untuk mendengar, berdiskusi, dan merumuskan solusi terbaik demi kepentingan mahasiswa serta kelestarian universiti.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Sesi townhall ini bukan sekadar perjumpaan formal, tetapi merupakan wadah komunikasi penting yang membolehkan warga Hal Ehwal

Pelajar (HEP) berinteraksi secara langsung dengan pihak pengurusan tertinggi universiti.

6. Sesi seperti ini memberi dua nilai tambah yang besar: **pertama**, ia menjadi medan dialog terbuka di mana suara tuan-tuan dan puan-puan didengari secara langsung tanpa sebarang perantara; dan **kedua**, ia menyediakan ruang perkongsian maklumat agar dasar, perancangan, serta hala tuju universiti dapat difahami dengan lebih jelas dan tepat.

7. Townhall ini juga melambangkan budaya organisasi yang responsif, iaitu budaya yang menghargai setiap pandangan warga, sama ada besar mahupun kecil, sebagai input yang bernilai.

8. Saya difahamkan bahawa objektif utama sesi townhall ini dapat diringkaskan kepada empat perkara.

Pertama, ia menjadi platform komunikasi dua hala.

- Di sinilah kita belajar mendengar dengan teliti dan memberi respons dengan penuh tanggungjawab.
- Komunikasi dua hala bukan sekadar soal bercakap, tetapi juga soal menghormati pandangan yang berbeza dan mencari titik persamaan.

Kedua, membuka ruang untuk warga HEP menyuarakan pandangan, cadangan, dan isu.

- Soal kebajikan pelajar, keperluan akademik, kemudahan kampus, dan lain-lain adalah perkara yang dekat di hati kita.

- Melalui sesi ini, suara-suara tersebut dapat disampaikan secara terus kepada pihak yang berautoriti.

Ketiga, meningkatkan kefahaman warga terhadap dasar universiti.

- Saya melihat kadangkala dasar yang dirangka di peringkat pusat tidak difahami sepenuhnya oleh warga di lapangan.
- Melalui sesi townhall, jurang kefahaman ini dapat dirapatkan, sekaligus melancarkan pelaksanaan strategi universiti.

Keempat, mengukuhkan hubungan warga dengan pentadbiran universiti.

- Sebuah organisasi yang berjaya ialah organisasi yang harmoni.

- Saya yakin, hubungan erat antara warga dan pengurusan mampu melahirkan suasana kerja yang positif, mesra, dan saling menyokong.

9. Kesimpulannya, sesi townhall ini bukan sekadar mendengar penjelasan pihak pengurusan, tetapi juga merupakan peluang untuk kita semua menyuarakan pandangan dengan berhemah, memberi cadangan yang membina, serta menzahirkan keprihatinan secara terus.

10. Dikesempatan ini juga, saya ingin menitipkan beberapa harapan khusus:

Kepada staf HEP – jadilah penghubung yang proaktif antara pengurusan universiti dan mahasiswa. Gunakanlah maklumat daripada sesi ini untuk menambah baik perkhidmatan serta memperkukuh penyampaian dasar.

Kepada mahasiswa – gunakanlah ruang ini untuk menyuarakan suara anda dengan beradab, matang, dan bertanggungjawab. Pandangan anda penting dalam memperkaya dasar dan strategi universiti.

Kepada pihak pengurusan – ambillah kesempatan ini untuk mendengar dengan telinga dan hati yang terbuka. Sesungguhnya, setiap pandangan adalah cerminan aspirasi warga universiti.

11. Di kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) atas usaha menganjurkan sesi townhall ini.

12. Inisiatif ini mencerminkan kesungguhan kita dalam membina jambatan komunikasi yang lebih berkesan antara warga dengan pihak pengurusan.
13. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada **YBrs. Profesor Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar**, atas kesudian hadir dan berkongsi pandangan bersama kita.
14. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih kepada seluruh jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus-lumus memastikan kelancaran program ini
15. Akhir kata, saya menyeru agar semua yang hadir memanfaatkan peluang ini sebaik-baiknya. Luahkan pandangan dengan penuh hikmah, lontarkan cadangan dengan semangat membina,

dan bawalah pulang ilmu serta kefahaman yang diperoleh untuk kita aplikasikan dalam tugas seharian.

16. Marilah kita bersama-sama menjayakan agenda universiti ke arah sebuah kampus yang lebih inklusif, progresif, dan sejahtera.

Sungai mengalir jernih berseri,
Airnya tenang menyegar rasa;
Townhall diadakan mencari solusi,
Mengukuh semangat warga semua.

Sekian,

**Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**